PENANG

1 - 15 DISEMBER, 2025

PERCUMA

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

BAJET 2026

# Kutipan hasil meningkat optimis capai RM1 bilion

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN** - Kerajaan Negeri Pulau Pinang berjaya mencatatkan kutipan hasil melebihi RM916 juta sehingga 14 November 2025.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, jumlah tersebut telah melepasi sasaran kutipan hasil yang ditetapkan iaitu RM906.59 juta.

"Saya ingin memaklumkan kepada Ahli Dewan yang mulia ini bahawa sehingga pagi ini (14 November 2025), Kerajaan Negeri berjaya mencatatkan kutipan hasil sebanyak RM920.15 juta.

"Jumlah kutipan melebihi sasaran ini meletakkan Kerajaan Negeri pada landasan yang tepat untuk meningkatkan baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan.

"Malah, dengan komitmen berterusan anggota perkhidmatan awam negeri, Kerajaan Negeri optimis untuk mencapai kutipan hasil keseluruhan melebihi RM1 bilion sebelum penutupan akaun akhir tahun ini seperti yang dicapai pada tahun 2016 iaitu RM1.029 bilion," katanya ketika membentangkan Belanjawan Tahun 2026 Negeri Pulau Pinang pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini 14 November lalu.

Dalam pada itu, Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri terus menerapkan prinsip Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT) sebagai sebahagian daripada budaya kerja pentadbiran.




**BARISAN kepimpinan dan ex-officio Kerajaan Negeri mengiringi Ketua Menteri selepas sesi pembentangan Bajet Negeri Pulau Pinang 2026 di DUN baru-baru ini.**

"Hasilnya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2024 telah menerima Sijil Ketua Audit Negara Tanpa Teguran pada 7 Ogos 2025.

"Oleh itu, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada semua penjawat awam negeri yang telah memberikan kerjasama kepada Jabatan Kewangan Negeri dalam memastikan Pulau Pinang terus kekal sebagai negeri terbaik dalam perspektif pengauditan Penyata Kewangan," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota dan Ahli Parlimen Batu Kawan.

BAJET 2026

# Catat defisit terendah dalam sejarah negeri

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM1.088 bilion bagi Belanjawan Negeri Tahun 2026, menjadikannya antara belanjawan terbesar dengan catatan defisit RM19.92 juta, iaitu yang terendah dalam sejarah Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, belanjawan ini dirangka bagi memastikan pengurusan fiskal negeri kekal berhemah, mampan dan memberi manfaat langsung kepada rakyat, selaras dengan Visi Penang2030 dan aspirasi Malaysia Madani.

Beliau memaklumkan bahawa daripada jumlah keseluruhan RM1.088 bilion itu, sebanyak RM1.051 bilion diperuntukkan bagi Perbelanjaan Bekalan, manakala RM37.07 juta untuk Perbelanjaan Tanggungan.

"Selain itu, sebanyak RM265 juta disalurkan ke Kumpulan Wang Pembangunan Negeri (KWPN) bagi menampung komitmen pembangunan berjumlah RM318.62 juta.

"Dengan mengambil kira anggaran hasil negeri RM1.068 bilion berbanding anggaran perbelanjaan sebanyak RM1.088 bilion, belanjawan tahun 2026 menyaksikan anggaran defisit terendah dalam sejarah Belanjawan Negeri Pulau Pinang iaitu sebanyak RM19.92 juta berbanding unjuran defisit tahun 2025 sebanyak RM33.63 juta," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan 2026 di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang di sini pada 14 November 2025.

Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi menjelaskan bahawa sebanyak RM226.73 juta atau 20.84 peratus daripada Perbelanjaan Mengurus adalah melibatkan emolumen; perkhidmatan dan bekalan (RM200.51 juta, 18.43 peratus); aset (RM3.59 juta, 0.33 peratus); pemberian dan kenaan bayaran tetap (RM645.73 juta, 59.35 peratus) dan perbelanjaan lain (RM11.38 juta, 1.05 peratus).

"Secara perbandingan, anggaran Perbelanjaan Mengurus tahun 2026 menunjukkan peningkatan sebanyak RM147.72 juta atau 15.71 peratus berbanding tahun 2025," katanya.

Beliau menambah bahawa peningkatan emolumen sebanyak RM19.9 juta atau 9.25 peratus berbanding tahun 2025 adalah disebabkan oleh pelaksanaan fasa kedua Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang melibatkan pelarasan gaji antara tiga hingga tujuh peratus, serta kenaikan gaji minimum daripada RM1,500 kepada RM1,700.

Dari segi anggaran perbelanjaan pembangunan, Kon Yeow memaklumkan bahawa sebanyak 122 projek sambungan akan diteruskan termasuk projek berimpak tinggi yang melibatkan kepentingan strategik.

"Ini termasuk pengambilan tanah bagi pelaksanaan projek Transit Aliran Ringan (LRT) Laluan Mutiara, *Gurney Bay* (Fasa 2), Pulau Silikon serta projek sambungan di bawah Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP).

"Antara projek pembangunan lain yang disenaraikan bagi tahun 2026 adalah projek pembesaran Muzium dan Balai Seni Lukis Pulau Pinang, projek kemajuan Bukit Bendera, pembinaan bangunan asrama Majlis Sukan Negeri dan pembinaan bangunan baharu Mahkamah Rendah Syariah Timur Laut.

"Selain itu, projek pembinaan dewan komuniti seperti Dewan Batu Maung, Dewan Kampung Baru Alma dan Dewan Taman Senangin turut disenaraikan sebagai projek sambungan," jelasnya.

Dalam pada itu, Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota turut menzahirkan penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan atas kelulusan 10 projek utama di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13) dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM283 juta.




**KETUA Menteri dan Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Zabidah Safar menunjukkan buku Bajet Negeri Pulau Pinang 2026 di DUN di sini baru-baru ini.**

Daripada jumlah tersebut, jelas beliau, sebanyak RM54.5 juta adalah untuk pelaksanaan projek infrastruktur strategik seperti kajian *Pan Island Link* (PIL), kerja awalan projek naik taraf jalan dari Bayan Lepas ke Teluk Kumbar, projek menaik taraf muka sauk di Titi Kerawang dan Teluk Awak, pembinaan klinik kesihatan baharu di Kubang Semang serta pembinaan blok bertingkat Hospital Kepala Batas.

Selain itu, ia turut merangkumi kerja-kerja menaik taraf Kompleks Sukan Bertam, pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Juru, kerja awalan jalan bawah menghubungkan Jalan Mount Erskine ke Jalan Burma, kajian kemungkinan pembangunan pelabuhan tuna dan pemerkasaan pasar nelayan.

"Kelulusan serta komitmen ini jelas mencerminkan keprihatinan serta sokongan padu Kerajaan Persekutuan terhadap Pulau Pinang dalam memastikan pembangunan negeri terus seiring dengan agenda pembangunan nasional di bawah kerangka Malaysia Madani," katanya lagi.

Sebagai rekod, Belanjawan 2026 juga memperuntukkan dana besar bagi pembangunan sosial, antaranya RM65 juta untuk program kebajikan i-Sejahtera; RM15 juta bagi projek masjid dan sekolah agama serta RM7 juta untuk memperkukuh sektor sukan dan pembangunan belia.




**GRAFIK menunjukkan anggaran dan komponen Belanjawan Negeri Pulau Pinang 2026.**

## BKK ¾ gaji, minimum RM1,000

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengumumkan pemberian sebanyak 0.75 bulan gaji atau ¾ gaji bulanan dengan bayaran minimum RM1,000 kepada 3,954 penjawat awam negeri.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, Bantuan Kewangan Khas (BKK) tersebut akan disalurkan pada Disember 2025, melibatkan unjuran implikasi kewangan sebanyak RM11.49 juta.

"Maka, sebagai apresiasi kepada seluruh Anggota Perkhidmatan Awam negeri, sukacita saya umumkan BKK sebanyak 0.75 bulan gaji dengan bayaran minimum RM1,000," katanya ketika membentangkan Belanjawan Tahun 2026 Negeri Pulau Pinang di Dewan Undangan Negeri dekat sini 14 November lalu.

Kon Yeow turut memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri bersetuju memberi bayaran RM300 secara *one-off* kepada penyelia dan guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA), guru serta kakitangan Sekolah Rendah Agama Rakyat (SRAR), Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).

"Pemberian ini turut dipanjangkan kepada guru tahfiz, guru pondok, guru tadika Islam (TADIS) serta guru dan kakitangan Sekolah Persendirian Cina seramai 3,358 orang," katanya.

# Komited perkasa pembangunan Islam

BAJET 2026

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang terus komited memperkasa pembangunan agama Islam dengan memfokuskan projek pembinaan lebih banyak masjid di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata langkah tersebut merupakan usaha berterusan Kerajaan Negeri bagi memenuhi keperluan masyarakat Islam terhadap kemudahan ibadah yang kondusif dan selamat.

Beliau menjelaskan bahawa pembangunan masjid dilaksanakan melalui peruntukan tahunan, bantuan penyelenggaraan, pembangunan prasarana serta sokongan terhadap aktiviti dakwah dan pendidikan di masjid seluruh negeri.

"Komitmen ini dibuktikan melalui peruntukan dan perbelanjaan Kerajaan Negeri bagi setiap projek pembinaan dan pengubahsuaian masjid serta surau di negeri ini dari tahun 2023 hingga 2025.

"Pada tahun ini, lima masjid telah siap dibina iaitu Masjid Papan; Masjid Taman Sungai Dua Utama; Masjid Bandar Cassia; Masjid Sungai Kechil Nibong Tebal dan Masjid Mengkuang Titi dengan jumlah komitmen sebanyak RM9.8 juta.

"Selain itu, Masjid Bandar Putra Bertam juga dijangka siap pada tahun ini dengan jumlah peruntukan RM2 juta," katanya ketika membentangkan Belanjawan Tahun 2026 di Dewan Undangan Negeri 14 November lalu.

Menurut Kon Yeow, tiga lagi masjid sedang dalam pembinaan dan dijangka siap antara tahun 2026 dan 2027.

" Projek tersebut melibatkan Masjid Lama Sungai Bakap (RM6 juta), Masjid Cheruk Tok Kun Bawah (RM4.5 juta) dan Masjid Permatang Tinggi (RM3.5 juta).



**ILUSTRASI artis menunjukkan reka bentuk Masjid Bandaraya Bandar Cassia di Kampus Pintar KITAB yang bakal dibangunkan pada tahun 2026. *(Gambar ihsan: KITAB).***

"Kerajaan Negeri juga merancang membangunkan sebuah Masjid Bandaraya di tapak *Smart City Campus*, Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) di Bandar Cassia.

"Pada tahun ini, Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang sedang melaksanakan kerja-kerja awalan meliputi siasatan tanah dan penyediaan reka bentuk bagi projek tersebut," katanya.

Mengulas lanjut, Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi memberitahu bahawa Kerajaan Negeri turut memberikan keutamaan kepada pembangunan Sekolah Agama Rakyat (SAR).

"Keseluruhan kos pembinaan dua buah SAR ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri iaitu Madrasah Al-Ittihadiyah Al-Wataniyah, Cherok Tok Kun di Seberang Perai Tengah (SPT) dengan jumlah peruntukan RM3.85 juta.

"Kerajaan Negeri juga membelanjakan RM4.01 juta bagi pembinaan SAR Masjid, Seberang Perai Utara (SPU) di Telok Air Tawar.

"Selain itu, tiga lagi SAR sedang dalam fasa pembinaan iaitu Madrasah An-Najah, Kampung Selamat (SPU), SAR Nurul Falah, Taman Berjaya, Nibong Tebal (SPS) dan SAR Masjid Bandar Baru Ayer Itam, Daerah Timur Laut (DTL) dengan kos keseluruhan berjumlah RM15.07 juta," jelasnya.

# i-Sejahtera tiada terpinggir, dipinggirkan

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri meningkatkan peruntukan program Kebajikan, i-Sejahtera kepada RM65 juta bagi tahun 2026 berbanding RM53.57 juta pada tahun sebelumnya.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa peningkatan tersebut membuktikan kesungguhan Kerajaan Negeri dalam menyantuni golongan rentan serta menghargai sumbangan rakyat negeri ini.

"Pada tahun 2024, Kerajaan Negeri telah mengagihkan RM56.24 juta termasuk bantuan pengurusan jenazah kepada 286,335 penerima.

"Sehingga 31 Oktober 2025, Kerajaan Negeri telah mengagihkan sejumlah RM53.57 juta melibatkan 287,923 penerima.

"Malah, sebagai sebuah negeri yang cakna kebajikan, Kerajaan Negeri berhasrat meneruskan program ini pada tahun 2026 dengan anggaran peruntukan sebanyak RM65 juta bagi memastikan tiada golongan yang terpinggir atau dipinggirkan," katanya ketika membentangkan Belanjawan Tahun 2026 Negeri Pulau Pinang di Dewan Undangan Negeri 14 November lalu.

Kon Yeow turut menyatakan bahawa sebagai sebuah negeri yang meraikan kepelbagaian agama dan perayaan utama, Kerajaan Negeri telah melaksanakan program sambutan Penang Harmoni serta memperkenalkan laluan baharu *Streets of Harmony* di Bukit Mertajam dan Bayan Baru.

Selain itu, katanya, Kerajaan Negeri turut menganjurkan pelbagai perayaan utama, program Eksplorasi Rumah Ibadat serta sesi dialog antara agama secara berterusan dalam usaha memperkukuh keharmonian masyarakat di negeri ini.

"Secara keseluruhan, Kerajaan Negeri memperuntukkan sekurang-kurangnya RM5 juta bagi menyokong program dan projek infrastruktur Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) di Pulau Pinang.

"Peruntukan ini tidak termasuk peruntukan di bawah Jawatankuasa MMK Hal Ehwal Bukan Islam berjumlah RM150,000 dan Akaun Amanah RIBI.

"Sehingga September 2025, sebanyak 77 RIBI telah menerima sumbangan daripada Kerajaan Negeri bagi pelaksanaan pelbagai program dan projek naik taraf," katanya.

BAJET 2026

# Pulau Silikon
## pemacu baharu ekonomi negeri

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri memberi tumpuan terhadap pelaksanaan projek-projek berimpak tinggi bagi tahun 2026 merangkumi projek berkepentingan strategik termasuk pembangunan Pulau Silikon.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pembangunan Pulau Silikon atau *Silicon Island* dijangka menjadi antara pemacu utama pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang pada masa depan.

"Tumpuan Kerajaan Negeri pada tahun 2026 adalah memastikan projek-projek strategik yang memberi impak besar kepada rakyat dan ekonomi negeri dapat dilaksanakan dengan tersusun dan berkesan," ujarnya ketika membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan dan Usul Anggaran Pembangunan di Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini pada 14 November 2025.

Menurut beliau, projek tambakan seluas 2,300 ekar itu, menunjukkan kemajuan memberangsangkan dengan kerja-kerja tambakan yang dimulakan pada September 2023 telah mencapai 250 ekar setakat Oktober 2025.

"Pembangunan ini dilaksanakan secara berfasa hingga tahun 2030 (yang mana) Fasa 1 melibatkan pembangunan 1,260 ekar dan diikuti Fasa 2 seluas 1,030 ekar.

"Bagi Fasa 1, beberapa tapak kritikal dijangka siap antara akhir tahun 2025 hingga suku pertama tahun 2026 iaitu tapak depoh LRT, tapak loji Indah Water




**KEADAAN fizikal Pulau Silikon yang siap ditambak sehingga Ogos 2025.**

Konsortium (IWK) seluas 16.74 ekar dan sebahagian kawasan industri *Green Tech Park* (100 ekar).

"Tapak strategik lain seperti kawasan rumah mampu milik, tapak masjid, *'Heart of the Island*' (HOTI) dan pusat pentadbiran Kerajaan Negeri pula dijangka siap antara suku keempat 2026 hingga 2030," jelasnya.

Mengulas mengenai perkembangan semasa pembangunan berkenaan, Kon Yeow memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri juga telah memulakan pembinaan jambatan kekal dan jalan masuk utama ke Pulau Silikon melalui projek *Pan Island Link 2A* (PIL 2A) bernilai RM389 juta.

"Jambatan sementara yang menghubungkan bahagian selatan Pulau Pinang ke Pulau Silikon telah siap sepenuhnya, manakala jambatan kekal serta akses utama sepanjang 1.5 kilometer telah dimulakan.

"Selain itu, pembinaan loji IWK juga telah menerima kelulusan dan dijangka bermula selewat-lewatnya suku pertama 2026," katanya yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi.

Selain itu, beliau menegaskan bahawa janji-janji kepada komuniti nelayan yang terjejas akibat projek itu telah dilaksanakan termasuk bayaran *ex-gratia* berjumlah RM11.9 juta kepada 795 nelayan yang layak serta pemberian bot baharu bersaiz 27 kaki panjang lengkap dengan enjin dan peralatan menangkap ikan.

"Kerajaan Negeri amat komited terhadap Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP) dan sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, kesemua sembilan unit nelayan terlibat telah menerima bantuan *ex-gratia*.

"Empat unit nelayan Tahap 1 pula akan menerima bot dan enjin berserta peralatan menangkap ikan walaupun Kerajaan Negeri kini hanya melaksanakan tambakan sebuah pulau sahaja berbanding sebelum ini tiga pulau.

"Malah, 14 daripada 61 bangsal nelayan bernilai RM1.039 juta juga telah diserahkan kepada nelayan di Kampung Binjai yang mana bangsal-bangsal ini dibina dengan struktur yang lebih kukuh lengkap kemudahan menambat bot.

"Manakala, baki bangsal yang melibatkan anggaran kos RM4.22 juta kepada nelayan Permatang Tepi Laut dan Kampung Binjai akan siap secara berfasa menjelang tahun 2027," katanya.

Dalam usaha meningkatkan kemudahan masyarakat setempat, Kon Yeow memberitahu bahawa sebuah bangunan gantian baharu dikenali sebagai Pusat Kegiatan Desa di Permatang Tepi Laut dengan kos RM900,000 telah siap dan akan digunakan sebagai tadika di bawah Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), pusat perkhidmtan digital dan kelas jahitan.

"Selain itu, kerja perancangan akhir sedang dilaksanakan bagi membina Medan Selera Matang merangkumi 10 gerai perniagaan, restoran, dewan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dan kawasan riadah yang mana kos keseluruhan dianggarkan berjumlah RM36 juta," katanya.

# SUKMA 2026: Sasar 60 pingat emas

**GEORGE TOWN -** Pulau Pinang menyasarkan 60 pingat emas dalam temasya sukan dwitahunan, Sukan Malaysia (SUKMA) di Selangor pada tahun hadapan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) kini sedang melaksanakan persiapan rapi melibatkan 37 acara.

"Atlet-atlet kita sedang berusaha gigih, dan kita sentiasa komited untuk menyediakan sumber dan sokongan yang diperlukan untuk mencapai sasaran pingat yang ditetapkan," katanya ketika membentangkan Belanjawan Tahun 2026 Negeri Pulau Pinang di Dewan Undangan Negeri pada 14 November 2025.

Menurut Kon Yeow, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM350,000 kepada Jawatankuasa MMK Sukan bagi tahun 2026.

"Sebagai tambahan, sejumlah RM7 juta diperuntukkan kepada MSNPP untuk melaksanakan program-program sukan negeri, manakala RM7 juta lagi disalurkan kepada Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang bagi menyokong pembangunan program dan fasiliti sukan di negeri ini.

Beliau yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi turut menyatakan komitmen berterusan Kerajaan Negeri terhadap pembangunan bola sepak Pulau Pinang.

"Justeru, Kerajaan Negeri meneruskan penyaluran geran mengurus sebanyak RM8 juta kepada *Penang Football Club* (Penang FC) sebagai sokongan kepada pembangunan bola sepak negeri," katanya.

Menyentuh mengenai pembangunan ekonomi, Kon Yeow berkata, Kerajaan Negeri memfokuskan kepada empat strategik utama bagi meningkatkan pendapatan isi rumah.

"Empat strategi utama tersebut adalah melibatkan usaha memajukan tahap



**PASUKAN sepak takraw lelaki berjaya meraih emas dalam temasya SUKMA Ke-21 di Sarawak tahun lalu dan menamatkan kemarau 24 tahun.**

kesediaan industri pembuatan tempatan untuk era digital dan ekonomi hijau; memodenkan serta mempelbagaikan pertanian lestari; mewujudkan pelbagai produk pelancongan berkualiti; serta membina ekosistem yang menyuburkan industri kreatif dan perkhidmatan perniagaan khusus.

"Semua inisiatif ini mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri dalam membangunkan agenda pembangunan sukan, budaya dan ekonomi demi kesejahteraan penduduk negeri ini," katanya.

# Masjid Madani Permatang Pauh mercu pembangunan Islam

Oleh : **NUR ASHIKIN ISMAIL**
Gambar : **MUHAMMAD IQBAL HAMDAN**

**SEBERANG JAYA –** Gagasan Malaysia MADANI terus dizahirkan melalui pelancaran Projek Masjid Madani Permatang Pauh yang bakal menjadi mercu tanda baharu, bukan sahaja di kawasan Permatang Pauh tetapi juga dalam landskap pembangunan Islam di Pulau Pinang.

Perdana Menteri, Y.A.B. Dato' Seri Utama Anwar Ibrahim, dalam ucapannya menegaskan bahawa visi pembinaan masjid tersebut bukan sekadar menonjolkan keindahan seni bina, sebaliknya menzahirkan fungsi sebenar masjid sebagai pusat pembinaan umat dan kesejahteraan sosial.

"Kita mahu masjid bukan sahaja megah dari segi binaan, tetapi hidup dengan ilmu, amal dan kegiatan yang mendekatkan umat kepada Allah serta memperkukuh perpaduan," ujarnya ketika menyempurnakan Majlis Pelancaran Pembangunan Masjid Madani Permatang Pauh di sini pada 8 November 2025.

Hadir sama, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar; Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid serta dif-dif kehormat lain.



**ANWAR Ibrahim (tengah) diiringi Dr. Mohamad Abdul Hamid (tiga dari kanan) dan dif-dif kehormat lain menyempurnakan gimik Majlis Pelancaran Pembangunan Masjid Madani Permatang Pauh di sini baru-baru ini.**

Mengulas lanjut, Anwar memaklumkan bahawa pembinaan masjid ini tidak menggunakan dana Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), sebaliknya dibiayai sepenuhnya melalui sumbangan para dermawan tempatan dan antarabangsa.

"Projek yang dibangunkan di atas tapak seluas 5.3 ekar berhampiran Lebuhraya Utara–Selatan itu bakal menampilkan seni bina moden-Islamik dengan pelbagai kemudahan termasuk ruang solat utama, dewan serba guna, perpustakaan, kemudahan komuniti serta kawasan perumahan.

"Malah, kita turut menyediakan dana amanah sebanyak RM4 hingga RM5 juta bagi tujuan penyelenggaraan supaya masjid ini terus makmur dan berfungsi," ujarnya.

Selain itu, Anwar turut menekankan kepentingan memperkasa pendidikan agama dengan kemahiran semasa agar institusi masjid kekal relevan dengan keperluan masyarakat moden.

"Masjid perlu menjadi teras kepada pengukuhan iman, institusi zakat serta kebersamaan ummah.

"Begitu juga zakat, bukan sekadar ibadah tetapi juga instrumen ekonomi bagi menangani kemiskinan tegar dan kita perlu kembali memahami falsafah asalnya.

"Kerajaan telah mengembalikan bantuan dan peruntukan kepada Sekolah Agama Rakyat, khusus untuk melaksanakan program yang menggabungkan pendidikan agama dengan kemahiran digital, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) serta kecerdasan buatan (AI).

"Pendidikan percuma untuk anak-anak paling miskin dari sekolah rendah hingga ke peringkat universiti juga akan mula dilaksanakan bermula tahun hadapan," ulasnya lanjut.

Sementara itu, Mohamad menyatakan bahawa projek tersebut adalah sejajar dengan Agenda Pembangunan Agama Islam Pulau Pinang 2030, yang berteraskan lima tunjang utama pembangunan sosioekonomi, pendidikan, keluarga, anak muda serta dakwah dan tarbiyah.

"Masjid adalah tunjang pelaksanaan agenda ini, kini Pulau Pinang mempunyai 216 buah masjid yang berperanan sebagai pusat sosial dan spiritual masyarakat.

"InsyaAllah, dengan kerjasama semua pihak, Masjid Madani Permatang Pauh akan menjadi model terbaik bagi pembangunan Islam bersepadu di negeri ini," katanya.

Mohamad turut memaklumkan pelaksanaan Projek Rumah Persaraan Mandiri Warga Emas di atas tanah Baitulmal seluas 10 ekar di Pongsu Seribu, yang akan dibangunkan oleh Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

# Zurhan Bakar dinobat Sasterawan Negeri

**PERAI –** Zurhan Bakar, 64, telah dipilih sebagai penerima Anugerah Sasterawan Negeri Pulau Pinang Ke-2 Tahun 2025.

Yang Dipertua Negeri, T.Y.T. Tun Ramli Ngah Talib dengan diiringi Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Zulkifli Long dan Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dr. Hazami Jahari telah menyempurnakan penyampaian anugerah tersebut.

Dilahirkan pada 18 November 1961, Zurhan merupakan seorang pesara guru yang kini aktif sebagai penulis sepenuh masa serta memegang jawatan sebagai Setiausaha Satu Persatuan Penulis Pulau Pinang (2PNP).

Berkecimpung dalam dunia penulisan sejak tahun 1983, antara karya beliau yang telah diterbitkan adalah Kumpulan Cerpen Remaja Senja Seorang Patriot (Oxford Fajar, 2014); Novel Remaja Bahasa Inggeris - *Misadventures of a Computer Geek* (Oxford Fajar, 2014); Kumpulan Cerita Kanak-Kanak Kenapa Enggang Sembunyi? (Buku Prima, 2015); Novel Kanak-Kanak Kami Regu Malaysia? (ITBM, 2020) dan Kumpulan Cerpen Perjalanan Pulang (*SYFE Management*, 2021).

Sebagai penerima anugerah paling utama pada malam tersebut, beliau membawa pulang hadiah berupa wang tunai RM15,000 serta sijil pengiktirafan daripada pihak penganjur, iaitu Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Perpustakaan Negeri Pulau Pinang (PPNPP) dan DBP.

Berucap sebelum itu, Zulkifli berkata bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa komited memperkukuh martabat bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

"Penganjuran Anugerah Sastera Negeri Pulau Pinang ini menjadi bukti bahawa Kerajaan Negeri terus mengangkat bahasa dan sastera Melayu sebagai wahana ilmu, jiwa bangsa, dan lambang perpaduan rakyat.

"Bahasa Melayu bukan sekadar alat komunikasi, tetapi bahasa maruah dan kedaulatan negara," jelasnya dalam majlis anugerah di sini pada 9 November 2025.

Selain Zurhan, ahli akademik Prof. Emeritus Dato' Seri Dr. Md. Salleh Yaapar, 79, dipilih sebagai penerima Anugerah Persuratan Negeri Pulau Pinang, manakala penulis muda Muhammad Afif Zulhusni Azhar, 27, menerima Anugerah Penulis Harapan Negeri Pulau Pinang.

Sempena penganjuran anugerah dwitahunan kali ini, seramai 13 penerima turut menerima Hadiah Sastera bagi tiga kategori, iaitu Buku Sastera Dewasa, Karya Eceran, serta Buku Sastera Kanak-kanak dan Remaja.



**ZURHAN Bakar.**

# ePINTAS SEHAP

## aplikasi bersepadu pertama tangani kesihatan alam sekitar

**GEORGE TOWN –** Aplikasi Sistem Online: *Penang Information and Complaints System* (ePINTAS) – *State Environmental Health Action Plan* (SEHAP) Negeri Pulau Pinang diharap dapat memperkukuh kerjasama antara agensi Kerajaan Negeri dan jabatan Persekutuan dalam menangani isu kesihatan alam sekitar secara lebih holistik.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa sistem aplikasi bersepadu itu merupakan yang pertama diwujudkan di negara ini dengan melibatkan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

"Usaha gigih pasukan *Thematic Working Group 2* (TWG 2) – Kebersihan dan Sanitasi, yang ditubuhkan di bawah Program SEHAP akhirnya membuahkan hasil melalui pembangunan platform bersepadu yang merangkumi modul pengurusan serta pemantauan kes denggi yang dibangunkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP).

"Hasil integrasi ini bukan sahaja memperkemas aliran kerja antara agensi, mewujudkan sistem pemantauan yang lebih cekap dan responsif. Melalui aplikasi ini, proses pengesanan kes dapat dilaksanakan dengan lebih pantas kerana setiap perkembangan data dikemas kini secara serta-merta di peringkat negeri, daerah dan PBT.

"Pada masa yang sama, proses semakan dan pengesahan menjadi lebih teratur, membolehkan tindakan susulan dibuat secara tepat dan berfokus.

Aplikasi ini yang memaparkan maklumat lokasi, status kes dan tindakan lapangan secara digital turut memperkukuh keberkesanan penguatkuasaan, sekali gus menjadikan operasi pemantauan lebih strategik dan tersusun," katanya ketika melancarkan Program SEHAP Negeri Pulau Pinang di sini pada 18 November lalu.




**KETUA Menteri bersama-sama Daniel Gooi Zi Sen (kanan sekali), Zulkifli Long (dua dari kanan) dan Dr. Fazilah Shaik Alaudin (tiga dari kiri) menyempurnakan gimik pelancaram ePINTAS SEHAP di sini baru-baru ini.**

Exco Belia, Sukan dan Kesihatan, Daniel Gooi Zi Sen; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Zulkifli Long; Pengarah Kesihatan Negeri, Dato' Dr. Fazilah Shaik Alaudin; dan Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang, Lt. Kol. Bersekutu (PA) Ooi Soon Lee turut sertai sidang media ringkas tersebut.

Mengulas lanjut, Kon Yeow berkata, lebih membanggakan, inisiatif tersebut turut menjana penjimatan kos kerajaan sebanyak RM170,000 setahun melalui penggunaan aplikasi sedia ada yang diintegrasikan dengan modul baharu, tanpa perlu membangunkan sistem baharu sepenuhnya.

Selain JKNPP, beliau menjelaskan bahawa Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Jabatan Pendaftaran Negara (Negeri Pulau Pinang), Pejabat-Pejabat Kesihatan Daerah, Pejabat-Pejabat Daerah dan Tanah, PBT (iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang, MBPP dan Majlis Bandaraya Seberang Perai, MBSP), Jabatan Kerja Raya (JKR) serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) merupakan agensi yang terlibat di bawah TWG2.

# MoU bersejarah, akses sumber air utama kedua

**IPOH, PERAK -** Sebagaimana dirancang, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Konsortium Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk) - Gamuda bagi projek pembekalan air terawat pukal.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, dengan termeterainya MoU itu, ia bakal membolehkan Pulau Pinang membeli sekurang-kurangnya 300 juta liter air terawat sehari daripada negeri Perak mulai tahun 2031.

"Secara keseluruhan, MoU ini akan memberi Pulau Pinang akses kepada sumber air utama kedua yang amat penting bagi memenuhi keperluan jangka panjang negeri.

"Justeru, kerjasama strategik dengan negeri Perak ini amat penting bagi menjamin kelestarian bekalan air serta kesejahteraan rakyat," jelasnya yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi dalam majlis berkaitan di sini pada 6 November 2025.

Selain itu, beliau yang juga Pengerusi PBAPP turut merakamkan penghargaan kepada pentadbiran Perdana Menteri; Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA); Kerajaan Negeri Perak; PKNPk dan Gamuda Berhad atas komitmen bersama dalam menjayakan rundingan tersebut.

Difahamkan, selama hampir lima dekad Pulau Pinang bergantung kepada satu-satunya sumber air mentah utama dari Sungai Muda melalui Skim Air Sungai Muda yang dimeterai pada tahun 1973.

Pada tahun 2022, Kon Yeow telah menyatakan komitmennya untuk merealisasikan Projek Air Perak–Pulau Pinang bagi memastikan kelestarian bekalan air, termasuk memperbaiki proses penyampaian air ke kawasan kejiranan hujung paip agihan (EoL) khususnya di daerah Seberang Perai Selatan (SPS) demi kepentingan generasi akan datang.

Dengan termeterainya MoU tersebut, Pulau Pinang bukan sahaja memperoleh sumber air utama kedua bagi memenuhi keperluan jangka panjang, malah usaha ini turut sejajar dengan Pelan Hala Tuju Transformasi Air 2040 (AIR2040) yang digagaskan pada peringkat Persekutuan.

Sementara itu, Menteri Besar Perak, Y.A.B. Dato' Seri Saarani Mohamad, dalam ucapannya berharap kerjasama erat antara dua negeri berjiran itu akan mewujudkan industri air terawat yang mencukupi serta meningkatkan keyakinan pelabur terhadap projek berkepentingan bersama, iaitu Taman Perindustrian Hijau Bersepadu Kerian (KIGIP).




**KETUA Menteri dan Saarani Mohamad (empat dari kiri) merakam gambar kenangan usai Majlis Menandatangani MoU Pembekalan Air Terawat Pukal baru-baru ini.**

Selepas itu, Kon Yeow bersama-sama Saarani menyaksikan Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Ir. K. Pathmanathan memeterai MoU bersama-sama Ketua Eksekutif PKNPk, Datuk Redza Rafiq Abdul Razak dan Pengarah Eksekutif Gamuda Berhad, Datuk Azmi Mat Nor.

Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek yang juga Ahli Parlimen Nibong Tebal; Exco Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital, Zairil Khir Johari; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Zulkifli Long dan Penasihat Undang-Undang Negeri, Dato' Wan Nor Sakina Saad turut hadir menyaksikan perjanjian bersejarah itu.

# Projek Penyuraian Trafik Juru - Sungai Dua pemangkin pertumbuhan ekonomi negeri

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **MUHAMMAD IQBAL HAMDAN**

**SEBERANG JAYA -** Perdana Menteri, Y.A.B. Datuk Seri Utama Anwar Ibrahim hadir meluncurkan Majlis Pecah Tanah bagi Projek Penyuraian Trafik di antara Plaza Tol Juru dan Plaza Tol Sungai Dua di Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) dekat sini pada 8 November 2025.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang mengiringi beliau berkata bahawa pentadbirannya berharap projek lebuh raya sepanjang 17.3 kilometer (km) itu turut menyokong pertumbuhan ekonomi negara, terutama di utara Semenanjung Malaysia.

"Visi kita jelas, bukan sekadar membina lebih banyak jalan, tetapi membina jalan yang lebih pintar yang mempercepat perjalanan dan memastikan akses yang lebih saksama untuk semua.

"Projek ini akan menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi baharu di Seberang Perai, khususnya di kawasan Bukit Minyak, Juru dan Sungai Dua.

"Ini sekali gus membuka lebih banyak peluang pekerjaan dan merancakkan aktiviti ekonomi setempat, serta meningkatkan kualiti hidup rakyat setempat," jelasnya pada majlis berkaitan.

Di samping itu, Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi menzahirkan penghargaan kepada Perdana Menteri kerana meluluskan sebanyak 10 projek dalam senarai negeri di bawah Rolling Plan 1 (RP1) Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13).

Tambah beliau, projek-projek infrastruktur yang diluluskan itu akan memperkukuh status Pulau Pinang yang kini berperanan sebagai Konurbasi Utara Malaysia.

Berucap selepas itu, Anwar yang juga Menteri Kewangan menyatakan bahawa projek lebuh raya bertingkat itu diluluskan kerana ia bukan sahaja adalah hasrat rakyat Pulau Pinang, malah negeri-negeri Utara Semenanjung Malaysia yang selama ini terpaksa menempuh kesesakan trafik yang teruk.

"Saya bersyukur apabila projek yang tertangguh sekian lama, akhirnya diluncurkan untuk dilaksanakan segera supaya dapat meningkatkan kesejahteraan rakyat," katanya yang juga Ahli Parlimen Tambun, Perak.

Tambah beliau, tujuan Kerajaan Persekutuan meluluskan projek Transit Aliran Ringan (LRT) Laluan Mutiara dari Bayan Lepas ke George Town dan berakhir di Penang Sentral, Bagan adalah demi menyuraikan kesesakan trafik yang berlaku hampir sepanjang masa di Jambatan Pulau Pinang.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Menteri Kerja Raya, Dato' Seri Alexander Nanta Linggi menjelaskan bahawa kos projek itu dianggarkan berjumlah RM3 bilion.

"Pembiayaan adalah secara hibrid, iaitu 60 peratus daripada kerajaan melalui perbelanjaan pembangunan, dan 40 peratus daripada syarikat.

"Projek ini terdiri daripada dua fasa. Fasa satu telahpun dilaksanakan dengan peruntukan RM56 juta, dan kita (Kementerian Kerja Raya) menjangkakan fasa kedua akan dimulakan pada awal tahun depan (2026)," jelasnya dalam sidang media bersama-sama Exco Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital, Zairil Khir Johari.

Tambah beliau, tempoh pembinaannya adalah selama 48 bulan, dengan menyasarkan siap sepenuhnya pada pertengahan tahun 2030.

Menteri Kewangan II, Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan; Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong; Ketua Setiausaha Negara, Dato' Seri Shamsul Azri Abu Bakar; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Zulkifli Long dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri antara pemimpin yang turut menyertai majlis bersejarah tersebut.




**ANWAR Ibrahim diiringi Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Persekutuan menyempurnakan majlis pecah tanah bagi Projek Penyuraian Trafik di antara Plaza Tol Juru dan Plaza Tol Sungai Dua di sini baru-baru ini.**



**REKA bentuk model jalan bagi projek penyuraian trafik Plaza Tol Juru dan Plaza Tol Sungai Dua.**




**PELAN menunjukkan laluan projek penyuraian trafik di Lebuhraya Utara Selatan (PLUS).**

# SIKAP SUKA MENDENGAR bentuk corak kepimpinan



KETUA Menteri menunjukkan potret yang dirakam pada hari pertama melangkah masuk ke USM.

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **SITI NURATIKAH RAHMAT**

"**SAYA** tidak pernah terfikir untuk menceburi bidang politik atau menjadi wakil rakyat, apatah lagi memimpin sebuah negeri."

Itu yang dikongsikan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dalam program Bicara Alumni anjuran Pusat Pembangunan Alumni Universiti Sains Malaysia (USM) yang berlangsung di Dewan Pembangunan Siswa 1, Kompleks Cahaya Siswa dekat sini pada 31 Oktober lalu.

Tampil sebagai salah seorang ahli panel pada program tersebut, Kon Yeow turut berkongsikan pengalaman perjalanan hidup beliau daripada seorang mahasiswa biasa sehingga menjadi Ketua Menteri di negeri Pulau Pinang.

"Jika anda bertanyakan kepada kawan-kawan saya semasa di USM dahulu sama ada mereka menjangka saya akan menjadi seorang pemimpin politik, mereka pastinya terkejut.

"Ini kerana pada ketika itu saya hanyalah seorang pelajar biasa yang sangat pendiam tanpa ada cita-cita politik yang jelas," katanya ketika membuka bicara dalam program yang menampilkan pengacara, penerbit, penulis lirik dan penyampai radio popular, Ahmad Fedtri Yahya sebagai moderator.

Namun begitu, Kon Yeow memberitahu bahawa minat yang mendalam terhadap isu-isu sosial telah membawa dirinya memilih jurusan Sains Kemasyarakatan dengan pengkhususan dalam bidang Sosiologi.

"Walaupun saya mempunyai minat terhadap isu politik sejak di sekolah menengah lagi, tetapi saya tidak pernah terfikir untuk menjadi ahli politik.

"Namun, pengajian di USM telah memperkukuh lagi minat saya dalam politik dan seterusnya membuka laluan untuk saya berkhidmat dalam sektor awam," ujarnya.

Selepas menamatkan pengajian, Kon Yeow menyatakan bahawa beliau pernah berkhidmat sebagai wartawan di *The National Echo*, sebelum dilantik sebagai Setiausaha Politik kepada Ahli Parlimen Tanjong ketika itu, Lim Kit Siang.

Sejak itu, beliau kekal aktif dalam dunia politik selama hampir 40 tahun.

Beliau menambah bahawa nilai kepimpinan yang diasah sejak di USM iaitu sedia mendengar dan bersikap terbuka masih menjadi prinsip yang diamalkan hingga kini.

"Satu-satunya profesion saya adalah politik, dan dari sinilah saya belajar untuk sentiasa mendengar, merendah diri dan menghargai pandangan yang berbeza.

"Sama ada mendengar pandangan rakyat biasa, pemain industri atau ahli akademik, saya percaya seorang pemimpin tidak semestinya harus selalu bercakap tetapi perlu banyak mendengar dan memahami.

"Inilah corak kepimpinan yang saya amalkan dan saya rasa ia membolehkan saya bertahan hampir 40 tahun dalam arena politik," ulasnya.

Menyentuh soal sumbangan semula kepada alma mater, beliau menyeru para alumni agar memanfaatkan sumber dan rangkaian masing-masing untuk memperkukuh hubungan antara universiti serta industri.

"Sebagai alumni, tidak kira di mana anda berada, anda boleh menjadi jambatan antara alma mater dan dunia industri.

"Contohnya, alumni dalam bidang korporat boleh bekerjasama dengan USM untuk memperkenalkan program keusahawanan kepada pelajar atau menyelaras kursus agar lebih relevan dengan keperluan pasaran kerja," serunya.

Beliau turut menegaskan bahawa USM bukan sekadar institusi akademik, tetapi juga pusat penting dalam melahirkan bakat dan inovasi di Pulau Pinang.



KETUA Menteri bersama-sama barisan alumni, Syerleena Abdul Rashid (kanan sekali), Mohd. Faiz Azmi (dua dari kiri) dan Ahmad Fedtri Yahya (kiri sekali) merakamkan gambar kenangan diiringi oleh Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed FASc (tengah) pada Program Bicara Alumni di sini baru-baru ini.

"Dengan ekosistem industri yang kukuh, USM memainkan peranan utama dalam membekalkan sumber tenaga mahir kepada negeri ini," katanya.

Ketika ditanya bagaimana beliau mengekalkan stamina bagi menghadapi jadual padat, Kon Yeow bersyukur kerana masih diberikan kesihatan yang baik walaupun sudah memasuki usia emas.

"Saya sudah dalam kategori warga emas, namun bersyukur kerana masih sihat.

"Bukan sekadar kesihatan fizikal, tetapi semangat dan sikap juga penting.

"Selagi ada semangat perjuangan dan kepuasan melihat rakyat mendapat manfaat, itulah tenaga yang mendorong saya terus berkhidmat," ujarnya dalam nada mesra.

Kon Yeow menutup sesi bicara dengan menyatakan harapan untuk terus membawa perubahan positif kepada negeri dan rakyat.

"Hayat politik diukur mengikut penggal, dan saya berharap setiap penggal yang saya pimpin dapat meninggalkan hasil yang positif," jelasnya.

Dalam sesi sama, Kon Yeow turut menjawab soalan yang diajukan oleh mahasiswa mengenai inisiatif Kerajaan Negeri menguruskan haiwan terbiar serta cabaran dalam pengurusan air di negeri Pulau Pinang.

Selain Kon Yeow, dua lagi panel ialah Ahli Parlimen Bukit Bendera, Syerleena Abdul Rashid dan Pengurus Bahagian Pembangunan Usahawan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Mohd. Faiz Azmi yang turut berkongsi pengalaman perjalanan hidup masing-masing.

Sementara itu, Naib Canselor USM, Prof. Dato' Seri Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed FASc turut merakamkan penghargaan kepada Kon Yeow kerana sudi hadir dan menunjukkan sokongan kepada dunia pendidikan dan akademik.

Beliau juga berterima kasih kepada Pusat Pembangunan Alumni USM dan semua pihak yang terlibat menjayakan program tersebut, serta berharap platform seperti itu akan terus diperluas bagi mengukuhkan sumbangan alumni ke arah kecemerlangan USM.



ANTARA mahasiswa dan mahasiswi yang mengambil bahagian dalam program anjuran Pusat Pembangunan Alumni USM di sini.

# 43 koperasi terima Geran Mutiara Madani

**GEORGE TOWN** – Sebanyak 43 koperasi di negeri Pulau Pinang menerima Geran Koperasi Madani bernilai RM200,000.

Exco Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi, Fahmi Zainol berkata, pemberian geran tersebut adalah sebahagian daripada komitmen Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menyokong gerakan koperasi di negeri ini dalam membangunkan aktiviti perniagaan masing-masing.

"Kerajaan Negeri, melalui MMK Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi telah menyediakan dana pembangunan berbentuk Geran Mutiara Madani dengan nilai bantuan maksimum sebanyak RM5,000 untuk setiap koperasi.

"Inisiatif ini adalah untuk membantu memperkukuh keupayaan koperasi di negeri ini dalam menjana pendapatan secara lebih mampan dan berkesan," katanya ketika merasmikan Karnival Koperasi Madani di Ruang Legar Konkos Aras 3, Komtar.

Menurut Fahmi, sehingga tahun 2024 sebanyak 1,628 koperasi telah didaftarkan di negeri Pulau Pinang dengan keanggotaan melebihi 7.2 juta, meningkat 2.72 peratus secara purata daripada tahun ke tahun.



FAHMI Zainol (dua dari kiri) menyampaikan Geran Koperasi Madani kepada salah seorang penerima pada Karnival Koperasi Madani di sini.

"Seiring dengan perkembangan ekonomi, gerakan koperasi telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dengan nilai perolehan mencecah RM68.18 bilion, manakala jumlah aset koperasi mencatatkan RM173.35 bilion.

"Angka-angka ini menggambarkan potensi besar koperasi sebagai pemangkin pembangunan ekonomi negara selari dengan agenda Malaysia Madani.

"Statistik ini juga menunjukkan bahawa Pulau Pinang bukan sahaja negeri berkualiti ekonomi tinggi, malah mempunyai komuniti kondusif untuk membangunkan ekosistem koperasi yang progresif dan mampan," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak.

Menyedari potensi besar koperasi sebagai pemacu ekonomi rakyat, Fahmi berkata Kerajaan Negeri komited membangunkan gerakan tersebut melalui pelbagai usaha termasuk memperkukuh tadbir urus koperasi melalui latihan, bimbingan dan pemantapan pengurusan.

"Selain itu, kita turut menggalakkan penglibatan koperasi belia dan koperasi sekolah agar generasi muda memahami nilai ekonomi bersama, di samping memperluas sokongan serta bantuan kepada projek aktiviti koperasi supaya potensi komuniti dapat digembleng secara maksimum.

"Malah, Kerajaan Negeri juga berusaha meningkatkan kerjasama koperasi antara daerah dan agensi untuk memperkasa pasaran dan memantapkan jaringan perniagaan," katanya.

